

Teks Ucapan Perasmian oleh
YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia

**MAJLIS PERASMIAN
WAKAF INTERACTIVE RESOURCE ARENA (WIRA),
DEWAN KOMPLEKS AKADEMIK PUSAT (DKAP)**

3 Februari 2025, 12.30 tengah hari

Wakaf Interactive Resource Arena (WIRA)
Tingkat 2, Blok A, Dewan Kompleks Akademik Pusat (DKAP), Zon C
(Berhadapan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat)

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,

YBhg. Profesor Dr. Ismi Arif Ismail
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBrs. Tuan Haji Haris Dahlan
Pengarah
Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Infak (WAZAN)

YBrs. Encik Mohd Nazri Md Yasin
Ketua Pentadbiran
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Pegawai Kanan UPM, Dekan-dekan dan Pengarah-pengarah

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Syukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izinnya kita dapat bersama-sama berkumpul di Majlis Perasmian "Smart Classroom" Wakaf Interactive Resource Arena (WIRA) pada hari ini bertempat di Dewan Kuliah Akademik Pusat (DKAP) UPM.
2. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Prof. Dr. Ismi Arif Ismail, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Putra Malaysia atas kesudian beliau untuk menjemput saya menyempurnakan perasmian "Smart Classroom" Wakaf Interactive Resource Arena (WIRA) ini.
3. Saya juga difahamkan bahawa kerja menaik taraf Bilik A2-08 kepada "Smart Classroom" yang diberi nama sebagai Wakaf Interactive Resource Arena (WIRA) ini merupakan sebahagian daripada Fasa 1 Projek menaik taraf Dewan Kuliah Akademik Pusat (DKAP), UPM kepada Arena Akademik dan Konvensyen Putra (PACA) secara berfasa.
4. Justeru, saya ingin mengucapkan tahniah dan Syabas kepada YBhg. TNCAA dan seluruh warga Pejabat Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa yang telah mengambil langkah pertama ke arah mentransformasikan semua Dewan kuliah/Kompleks Dewan Kuliah di bawah seliaan Pejabat Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa secara berfasa. Saya percaya usaha ini adalah sebagai satu pendekatan pihak universiti untuk menyediakan pengalaman

pembelajaran yang berimpak buat mahasiswa UPM sebagaimana yang saya hasratkan dalam Teras 4, semasa perutusan 100 hari dan Amanat 2024 tahun lepas.

5. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Infak (WAZAN) yang telah menyalurkan sumbangan Dana Wakaf Ilmu sebanyak RM150,000 kepada Pejabat Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa bagi merealisasikan hasrat Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mewujudkan fasiliti pembelajaran yang moden dan berintegrasikan teknologi yang bersesuaian dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran alaf 21.
6. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya dedikasikan khas kepada penyumbang wakaf dan infaq yang telah menyalurkan sumbangan melalui WAZAN untuk wakaf dan infaq yang dihasratkan. Saya percaya pelbagai idea dan inovasi juga boleh diterapkan dalam menzahirkan hasrat pewakaf/penyumbang agar selari dengan memberikan "*best value for money*" dan "*best learning and living experience*" kepada pelajar.
7. Saya berharap agar inisiatif ini tidak terhenti di sini, kerana saya percaya Pejabat Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa dibawah kepimpinan YBhg. Prof. Dr. Ismi Arif Ismail dan seluruh warga kerja sentiasa berusaha ke arah mewujudkan pengalaman pembelajaran dan kehidupan terbaik di UPM terutamanya dari aspek penyediaan prasarana dan kemudahan terbaik untuk mahasiswa UPM, yang

telah saya tekankan di bawah Rangka Kerja Strategik True North UPM.

8. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada YBhg. Prof. Dr. Ismi Arif Ismail, Pejabat Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa dan WAZAN atas kejayaan membangunkan Wakaf Interactive Resource Arena (WIRA).
9. **Dengan Lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan Wakaf Interactive Resource Arena (WIRA).**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.